

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MASALAH PONTENG
DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH SEGAMAT

NOSIAH BT ABD WAHAB

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat Penganugerahan Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2014

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Menyayangi

Alhamdulillah, pertama sekali bersyukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, membolehkan penulisan tesis ini sampai ke noktah yang terakhir seperti yang telah dirancang.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Penyelia Tn Hj Hassan bin Hushin di atas segala bimbingan, dorongan dan sokongan yang telah diberikan selama ini sama ada semasa atau diluar waktu penyeliaan. Segala jasa baik dan motivasi yang diberikan menjadi kekuatan dan motivasi dalam menyiapkan kertas kajian ini. Kepada pensyarah-pensyarah dan staf Universiti Teknologi Malaysia juga diucapkan ribuan terima kasih atas sebarang bantuan yang dihulurkan.

Setinggi penghargaan dan terima kasih juga diberikan kepada GPK HEM yang membantu, GPK 1 dan Tn Pengetua SMK Buloh Kasap Segamat yang banyak memberi ruang dan peluang sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung. Kepada rakan-rakan seperjuangan, terima kasih yang tidak terhingga kerana bersama-sama menempuh susah dan senang serta mengharungi segala cabaran dan bebanan yang dipikul selama ini dengan jayanya. Terima kasih juga kepada rakan-rakan guru di tempat kerja yang sering memberikan idea dan dorongan. Akhirnya, terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah serta guru-guru yang terlibat secara tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Semoga Allah sentiasa memberi keberkatan dalam setiap perkara yang dilaksanakan dan menerima amal kita semua. Amin.

DEDIKASI

*Untuk suami Tuah bin Hassan,
dan ibu Hjh Gayah,
Anak-anakku Muhammad Hafiz, Muhammad Faiz,
Hani Raihana dan Husna Aqilah tersayang,
terima kasih atas segala kesabaran dan toleransi, pertolongan dan
sokongan yang tidak pernah berhenti.*

*Anak saudaraku Norazam dan pelajarku Ibrahim
Serta keluarga dan rakan-rakan yang dikasihi,
Terima kasih atas bantuan, dorongan dan sokongan moral
yang diberikan selama ini.*

**“Semoga Allah sentiasa menerima
amalan, keimanan dan ketaqwaan
dalam menempuh hidup di dunia dan juga di akhirat”**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui jenis ponteng yang paling kerap berlaku di Sekolah Menengah Daerah Segamat Johor. Kajian juga dijalankan untuk menentukan faktor paling dominan yang mempengaruhi masalah ponteng sekolah iaitu pengaruh sikap pelajar, rakan sebaya, sekolah, keluarga, suasana sekolah, guru dan persekitaran. Tahap kemahiran mengurus disiplin dan keperluan latihan juga dikaji. Kaedah kuantitatif digunakan dan sampel kajian seramai 240 orang guru daripada 9 buah Sekolah Menengah Daerah Segamat. Data kajian telah dianalisis menggunakan *Perisian Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 19.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ponteng aktiviti sekolah merupakan yang paling kerap berlaku berbanding ponteng kelas dan ponteng sekolah. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor rakan sebaya merupakan faktor paling dominan yang mendorong pelajar melakukan ponteng sekolah dengan nilai min yang tinggi iaitu 3.60. Faktor lain yang mempengaruhi mengikut turutan ialah faktor persekitaran, guru, sikap pelajar, keluarga dan suasana sekolah. Terdapat perbezaan yang signifikan antara rakan sebaya dengan lokasi dan faktor persekitaran dengan lokasi sekolah. Tahap kemahiran mengurus disiplin di kalangan guru adalah di tahap yang tinggi dan keperluan latihan pula di tahap sederhana. Implikasi kajian ialah semua pihak perlu bersama-sama mengambil berat masalah ponteng sekolah dan cuba mencari jalan penyelesaian terbaik demi melahirkan modal insan kelas pertama untuk masa depan negara.

ABSTRACT

The purpose of the study is to determine the type of truancy that occurs most frequently in the School District of Segamat Johor. Studies were also conducted to determine the most dominant factor influencing truancy problems that influence students' attitudes, peers, school, family, school environment, teachers and the environment. The level of discipline and management skills training needs are also examined. Quantitative methods are used and a sample of 240 teachers from nine secondary schools of Segamat District. Data were analyzed using the software Statistical Package for Social Science (SPSS) version 19.0. The results showed that skipping school activities is most likely to occur than skipping class and truancy. The result also shows that, peer is the most dominant factor that drives student to miss school with a high mean value of 3.60. Other factors that influence are the environment, teachers, students' attitudes, family and school environment. There are significant differences between peer location and environmental factors with the location of the school. The level of discipline management skills among teachers is at a high level and training requirements are moderate. The implication of the study is that all parties should jointly care of truancy problems and try to find the best solution in order to produce world-class human capital for future generation.

ISI KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|----------------|-------------------|
|------------|----------------|-------------------|

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

PENGESAHAN PENYELIA

| | |
|-------|---|
| JUDUL | i |
|-------|---|

| | |
|-------------------|----|
| PENGAKUAN PENULIS | ii |
|-------------------|----|

| | |
|----------|-----|
| DEDIKASI | iii |
|----------|-----|

| | |
|-------------|----|
| PENGHARGAAN | iv |
|-------------|----|

| | |
|---------|---|
| ABSTRAK | v |
|---------|---|

| | |
|----------|----|
| ABSTRACT | vi |
|----------|----|

| | |
|-----------|-----|
| KANDUNGAN | vii |
|-----------|-----|

| | | |
|----------|--------------------------|------|
| | SENARAI JADUAL | viii |
| | SENARAI RAJAH | ix |
| | SENARAI SIMBOL/SINGKATAN | x |
| | SENARAI LAMPIRAN | xi |
| 1 | PENDAHULUAN | |
| 1.0 | Pengenalan | 1 |
| 1.1 | Latar Belakang Masalah | 5 |
| 1.2 | Pernyataan Masalah | 7 |
| 1.3 | Objektif Kajian | 12 |
| 1.4 | Persoalan Kajian | 13 |
| 1.5 | Hipotesis Kajian | 14 |

| | | |
|------|--|----|
| vii | | |
| 1.6 | Kerangka Kajian | 16 |
| 1.7 | Rasional Kajian | 18 |
| 1.8 | Kepentingan Kajian | 17 |
| | 1.8.1 Pihak Sekolah | 18 |
| | 1.8.2 Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri | 19 |
| 1.9 | Skop Kajian | 20 |
| 1.10 | Batasan Kajian | 22 |
| 1.11 | Definisi Istilah dan Operasi | 21 |
| | 1.11.1 Disiplin | 21 |
| | 1.11.2 Ponteng | 22 |
| | 1.11.3 Sikap Pelajar | 23 |
| | 1.11.4 Rakan Sebaya | 23 |
| | 1.11.5 Keluarga | 23 |
| | 1.11.6 Guru | 24 |
| | 1.11.7 Suasana Sekolah | 24 |
| | 1.11.8 Persekitaran | 25 |
| | 1.11.9 Kemahiran | 25 |
| | 1.11.10 Kemahiran mengurus Disiplin | 26 |
| | 1.11.11 Keperluan Latihan | 26 |
| 1.12 | Rumusan | 27 |

2 SOROTAN PENULISAN

| | | |
|-------|---|----|
| 2.0 | Pengenalan | 28 |
| 2.1 | Masalah disiplin berkaitan ponteng | 28 |
| 2.2 | Masalah Ponteng Masa Kini | 31 |
| 2.3 | Faktor –faktor yang mempengaruhi gejala ponteng | 33 |
| 2.3.1 | Sikap Pelajar | 32 |
| 2.3.2 | Rakan Sebaya | 34 |
| 2.3.3 | Keluarga | 36 |
| 2.3.4 | Faktor Sekolah | 40 |
| 2.3.5 | Guru | 42 |
| 2.3.6 | Persekitaran | 44 |
| 2.3.7 | Kemahiran Mengurus dan Keperluan Latihan | 45 |

| | | |
|-----|---|----|
| 2.4 | Teori-teori berkaitan Salah Laku Pelajar | 46 |
| | 2.4.1 Teori Hierarki Maslow | 46 |
| | 2.4.2 Teori Konsep sendiri | 48 |
| | 2.4.3 Teori Pertukaran Sosial | 49 |
| 2.5 | Model Kajian- Teori Pembelajaran sosial Bandura dalam pendidikan | 50 |
| | 2.5.1 Pembelajaran Sosial Bandura | 51 |
| | 2.5.1 Aplikasi Teori pembelajaran Bandura Dalam Bidang Pendidikan | 51 |
| 2.7 | Kajian Dalam Negara berkaitan Masalah Ponteng | 52 |
| 2.8 | Kajian Luar Negara berkaitan gejala ponteng | 55 |
| 2.9 | Rumusan | 59 |

3 METODOLOGI

| | | |
|----------|------------------------------------|----|
| vii | | |
| 3.0 | Pengenalan | 60 |
| 3.1 | Reka Bentuk Kajian | 60 |
| 3.2 | Lokasi Kajian | 62 |
| 3.3 | Populasi dan Sampel Kajian | 63 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 64 |
| 3.5 | Kadar Pulangan Borang Soal selidik | 65 |
| 3.6 | Kajian Rintis | 66 |
| 3.7 | Prosedur Kajian | 67 |
| 3.8 | Analisis Data | 69 |
| 3.9 | Rumusan | 72 |
| 4 | DAPATAN KAJIAN | |

| | | |
|---------|--|----|
| 4.1 | Pengenalan | 75 |
| 4.2 | Demografi Kajian | 75 |
| 4.3 | Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian | 79 |
| 4.3.1 | Masalah Ponteng di sekolah | 79 |
| 4.3.2 | Faktor yang mempengaruhi pelajar ponteng sekolah | 80 |
| 4.3.2.1 | Faktor Sikap Pelajar | 81 |
| 4.3.2.2 | Faktor Rakan Sebaya | 83 |
| 4.3.2.3 | Faktor Keluarga | 85 |
| 4.3.2.4 | Faktor Suasana Sekolah | 87 |
| 4.3.2.5 | Faktor Guru | 89 |
| 4.3.2.6 | Faktor Persekitaran | 91 |
| 4.3.3 | Faktor Utama yang menyebabkan masalah ponteng | 93 |

| | | |
|-------|---|-----|
| 4.3.4 | Kemahiran Mengurus disiplin guru-guru di Sekolah Menengah Daerah Segamat | 94 |
| 4.3.5 | Keperluan latihan | 96 |
| 4.3.6 | Tahap Kemahiran Mengurus Masalah Disiplin dan Keperluan Latihan | 98 |
| 4.4 | Pengujian Hipotesis | 98 |
| 4.4.1 | Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor yang menyebabkan pelajar ponteng iaitu sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, guru, suasana sekolah dan persekitaran mengikut jantina | 100 |
| 4.4.2 | Kemahiran Mengurus dan Keperluan Latihan terhadap jantina | 102 |
| 4.4.3 | Kemahiran Mengurus dan Keperluan Latihan terhadap lokasi sekolah | 103 |
| 4.4.4 | Ringkasan Hipotesis Nol | 109 |
| 4.5 | Pengujian Korelasi | 109 |
| 4.5.2 | Korelasi antara kemahiran mengurus dan keperluan latihan guru-guru | 111 |
| 4.6 | Kesimpulan | 112 |

5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

| | | |
|---------|--|-----|
| 5.1 | Pendahuluan | 114 |
| 5.2 | Rumusan Dapatan Kajian | 114 |
| 5.3 | Perbincangan Persoalan Kajian | 118 |
| 5.3.1 | Jenis Ponteng di sekolah | 118 |
| 5.3.2 | Faktor yang mempengaruhi pelajar ponteng sekolah | 120 |
| 5.3.2.1 | Faktor Sikap Pelajar | 120 |
| 5.3.2.2 | Faktor Rakan Sebaya | 121 |
| 5.3.2.3 | Faktor Keluarga | 122 |
| 5.3.2.4 | Faktor Suasana Sekolah | 123 |
| 5.3.2.5 | Faktor Guru | 124 |
| 5.3.2.6 | Faktor Persekitaran | 126 |

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.3.3 | Kemahiran Mengurus disiplin guru-guru di Sekolah Menengah Daerah Segamat | 127 |
| 5.3.4 | Keperluan latihan | 129 |
| 5.3.5 | Tahap Kemahiran Mengurus Masalah Disiplin dan Keperluan Latihan | 138 |
| 5.3.6 | Perbincangan Berdasarkan Hipotesis Kajian | 130 |
| 5.3.8 | Perbincangan Korelasi Antara kemahiran mengurus disiplin dengan keperluan latihan guru-guru | 133 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | 134 |
| 5.5 | Cadangan Berdasarkan Dapatan Kajian | 135 |
| 5.6 | Cadangan Kajian Lanjutan | 138 |
| 5.7 | Penutup | 139 |
| | BIBLIOGRAFI | 141 |
| | LAMPIRAN | 146 |

SENARAI LAMPIRAN

| SURAT | LAMPIRAN | TAJUK | MUKA |
|--------------|-----------------|-------------------------------|-------------|
| | A | Borang Soal Selidik | 146 |
| | B | Data Ujian Rintis | 156 |
| | C | Data Statistik Dapatan Kajian | 165 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------------|------------------------|-------------------|
| 1.0 | Kerangka konsep kajian | 16 |

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN

| | | |
|----------|---|---|
| α | - | Alpha Cronbach |
| p | - | Aras signifikan |
| <i>f</i> | - | Kekerapan / frekuensi |
| % | - | Peratus |
| M | - | Min |
| SD | - | Sisihan piawai |
| KPM | - | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| PIPP | - | Pelan Induk Pembangunan Pendidikan |
| IPT | - | Institusi Pengajian Tinggi |
| SPSS | - | <i>Statistical Package for Social Science</i> |
| KOMTAR | - | Kompleks Tun Abd Razak |
| PTK | - | Penilaian Tahap Kompetensi |
| HEM | - | Hal Ehwal Murid |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 menyentuh tentang pembangunan modal insan, adalah aset yang dapat disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai intelektualnya serta diperkaya modal budayanya (James, 2008). Sekolah bukanlah sebuah badan pengajar sahaja. Ia mempunyai tujuan mendidik dalam erti kata yang lebih luas. Pelajar-pelajar sepatutnya mendapat bukan sahaja pengetahuan dan kebolehan intelektual yang diuji melalui peperiksaan, tetapi juga kebolehan intelektual, mutu moral dan sosial secara amnya, di mana ketiga-tiga aspek ini tidak diuji secara formal (KPM,1998).

Tujuan am penanaman kesedaran tentang betul dan salahnya sesuatu perlakuan ke dalam diri individu adalah untuk mengelakkan pelajar daripada berkelakuan yang tidak dikehendaki serta diikuti dengan cara larangan berkelakuan demikian bersama dengan cara mengenakan hukuman sekiranya larangan itu tidak dipatuhi. Sekolah juga adalah sebuah institusi pendidikan dan juga merupakan sebuah institusi sosial. Di

dalamnya terdapat kelompok-kelompok manusia yang mempunyai kepentingan yang berbeza.

Sebagai seorang manusia, pelajar-pelajar mempunyai banyak masalah yang timbul disebabkan oleh banyak faktor. Di antaranya ialah akibat keperluan psikologi serta harapan-harapan tertentu yang dipunyai oleh seseorang pelajar itu tidak dapat dipenuhi. Di samping itu, masyarakat dan kebudayaan pula mempunyai harapan-harapan tertentu dan kepada merekalah harapan ini diletakkan kerana mereka bakal menggantikan generasi sedia ada. Golongan remaja merupakan harta yang sangat penting kepada negara yang akan mewarisi negara di masa akan datang.

Keperluan para pelajar bolehlah dikelompokkan sama ada keperluan jasmani bagi pertumbuhan dan keperluan tubuh badan mahupun keperluan psikologi seperti kasih mesra dan emosi yang timbal-balik, penghargaan dan kedudukan sosial, kejayaan dan pencapaian, pengembaraan dan mencari pengalaman baru, mentafsirkan pengalaman hidup, bergabung dalam kumpulan, merasa bertanggungjawab kepada orang lain dan ketenteraman. Selain itu, terdapat juga keperluan-keperluan psikologi khas iaitu kebiasaan dan kegemaran seseorang individu serta keperluan-keperluan bagi memenuhi nilai dan sikap hidup seseorang individu.

Umumnya, pakar-pakar psikologi telah dapat mengesan masalah pelajar, khususnya remaja berumur 12-18 tahun. Jangka masa ini dikatakan sebagai jangka masa yang sangat kritikal dalam perkembangan hidup seseorang manusia itu. Mereka yang berada dalam peringkat awal remaja iaitu 12-15 tahun menghadapi masalah seperti kesihatan dan jasmani, masalah sekolah, keluarga, hubungan dengan orang lain, peribadi, termasuklah emosi, sosial dan ekonomi. Mereka yang berada dalam lingkungan 16-18 tahun pula menghadapi masalah kesihatan dan jasmani, kehidupan dan pekerjaan, aktiviti hiburan dan sosial, pergaulan muda mudi, cinta dan perkahwinan, hubungan psikososologi, emosi, rumahtangga, masa depan dari segi kerjaya dan pendidikan,

penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah, kurikulum dan kaedah pengajaran serta ekonomi (KPM, 1988)

Aspek disiplin merujuk kepada kawalan diri, kawalan dari luar, patuh kepada autoriti, keadaan bilik darjah yang teratur, kursus pengajian yang sistematik, cara yang menetapkan peraturan dan hukuman. Dalam buku Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), disiplin membawa beberapa maksud seperti:

- i. Kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang, sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan diri.
- ii. Kesanggupan seseorang bekerja atau membuat sesuatu dengan tertib.
- iii. Kesanggupan seseorang menghormati hak individu lain.
- iv. Kesanggupan seseorang mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain.
- v. Kesanggupan bertoleransi di antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong menolong.
- vi. Kesanggupan memperbaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina.
- vii. Kesanggupan kepada masyarakat.

Ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan harapan untuk mendapatkan seberapa banyak ilmu yang ada. Melalui pendidikan, tingkah laku dapat diubah dan dibentuk dalam diri pelajar. Tingkah laku dan pengamalan akhlak yang baik sangat diharapkan oleh ibu bapa dan juga seluruh masyarakat terhadap generasi pelajar sekarang. Namun harapan ini tidak mungkin akan kesampaian jika para pelajar terjebak dalam gejala ponteng. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 menyentuh tentang pembangunan modal insan adalah aset yang dapat disuntik nilai

tambahnya, ditingkatkan nilai intelegnya serta diperkaya modal budayanya (James , 2007).

Ponteng didefinisikan sebagai lari daripada tanggungjawab atau tugas tanpa kebenaran. Secara umum ponteng sekolah ialah tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah dan di luar pengetahuan ibu bapa atau penjaga. Walaupun begitu ada yang tidak hadir tetapi dalam pengetahuan ibu bapa. Ponteng juga sering dikaitkan dengan isu yang menampilkan pelajar yang tidak berdisiplin dan bermoral rendah. Ponteng sekolah adalah sejenis penyakit lama yang telah berakar umbi semenjak masyarakat kita mengenal alam persekolahan. Dewasa ini, negara kita sibuk dengan perkembangan dan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat, sehinggakan hampir terlupa dengan masalah remaja yang sudah lama melanda para pelajar. Masalah ini membawa impak negatif kepada pembangunan dan kemajuan negara kita pada masa hadapan. Masalah ponteng merupakan masalah remaja sekolah yang amat ketara.

Menurut Rasidah (2005) pula, ponteng sekolah boleh dikategorikan sebagai ketidakhadiran pelajar ke sekolah dengan sengaja tanpa sebarang alasan yang munasabah. Masa yang sepatutnya diisikan dengan menimba ilmu pengetahuan di sekolah sebaliknya dihabiskan dengan melakukan aktiviti yang tidak bermanfaat seperti melepak di kompleks membeli belah atau pusat rekreasi dan pusat hiburan. Ponteng sekolah boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat, daripada peringkat bawah hingga peringkat tertinggi. Antara peringkatnya ialah ponteng hati, ponteng kerana bangun lewat, ponteng kelas dan ponteng sekolah. Walaupun adanya peraturan atau disiplin sekolah yang ketat tetapi seketat mana pun undang-undang dibuat gejala ponteng tetap berlaku. Kajian Kementerian Malaysia (1978) mengenai disiplin meletakkan gejala ponteng sebagai isu utama.

Menurut Shoba (2007), masalah ponteng sekolah adalah salah satu masalah disiplin yang sering kali dilakukan oleh pelajar sekolah setiap hari. Masalah ponteng sekolah semakin hari semakin meningkat akibat daripada pengaruh luar. Masalah ponteng ini sebenarnya menyusahkan pihak pendidik, ibu bapa dan masyarakat.

Dengan melakukan ponteng, pelajar boleh terjerumus dalam kumpulan jahat, merokok, menghisap dadah, berfoya-foya dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan pelajar-pelajar ketinggalan dalam pelajaran serta mewujudkan masalah sosial.

Kegiatan ponteng dilakukan sama ada secara individu atau secara berkelompok. Kebanyakan pelajar yang ponteng sekolah secara berkelompok cenderung untuk memilih sebuah kawasan untuk dijadikan tempat untuk melepak. Masa atau hari untuk ponteng biasanya telah dirancang dan dapat dikenal pasti traitnya. Contohnya kegiatan ponteng sekolah memuncak pada hari Isnin dan Jumaat atau Ahad dan Khamis. Sehubungan dengan itu, sekolah, ibu bapa dan masyarakat perlu sehaluan dan bergabung tenaga dalam menangani masalah ponteng dan akhlak pelajar.

Sekiranya masalah ini dibiarkan berterusan, negara tidak akan mencapai seperti mana yang dikehendaki dalam wawasan 2020 iaitu mewujudkan sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etika dengan warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur (Mahathir, 1991). Wawasan murni yang diharapkan kelak hanya dapat dilihat di keratan-keratan akhbar sahaja tanpa berlaku perubahan pada masyarakat sekiranya masalah sosial ini tidak diselesaikan dengan segera dan ditangani dengan sebaik mungkin.

1.1 Latar Belakang Masalah

Sejak kebelakangan ini, berbagai cerita tentang isu yang berkaitan tentang masalah disiplin di sekolah telah ditimbulkan. Pelajar merokok, melawan, kurang ajar, ponteng dan sebagainya. Masalah ini berlaku tidak kira sama ada di sekolah bandar atau luar bandar mahupun sekolah biasa atau sekolah berasrama penuh. Salah satu kemerosotan disiplin yang semakin menular pada masa sekarang ialah masalah ponteng. Laporan salah laku pelajar sekolah menunjukkan bahawa ponteng sekolah dan ponteng kelas merupakan salah laku yang tertinggi peratusan penglibatan dalam kalangan pelajar

(Surat Pekeliling KPM Bil 6 / 1995).

Menurut kajian Norhidayah (2010), isu ponteng sekolah bukan sekadar masalah disiplin dalam kalangan pelajar, tetapi persoalannya lebih besar, antaranya ke mana dan apakah yang mereka buat sepanjang waktu melakukan salah laku itu serta akibatnya. Daripada lapan jenis salah laku disiplin disenaraikan Kementerian Pelajaran, ponteng berada di tangga kedua terbanyak selepas kurang sopan, diikuti berunsur jenayah, tidak pentingkan masa, kekemasan diri, kenakalan, melakukan kemusnahan (vandalisme) dan salah laku berunsur kelucahan. Pelajar ponteng bukan saja ketinggalan dalam pelajaran, malah lebih teruk lagi ialah terbabit dalam gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, vandalisme, gangsterisme, meminum minuman keras, seks bebas, perjudian dan melepak. Implikasi besar yang mungkin wujud akibat masalah ponteng itu menyebabkan ia dianggap oleh Kementerian Pelajaran sebagai salah laku disiplin paling serius. Rekod Kementerian Pelajaran tahun 2009 menunjukkan 21,060 pelajar (0.39 peratus) dikesan ponteng sekolah, manakala 24,840 pelajar (0.46 peratus) pada tahun sebelumnya.

Berdasarkan kertas kerja Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (Abdul Raof , 1999), bilangan kes ponteng sekolah merupakan kategori salah laku yang paling tinggi iaitu sebanyak 38,053 kes. Mengikut Pejabat Pelajaran Daerah Segamat, terdapat beberapa kategori pelajar ponteng sekolah, iaitu pelajar tidak hadir ke sekolah tanpa sebab tetapi berada di rumah dan dalam pengetahuan ibu bapa / penjaga, pelajar tidak hadir tanpa sebab di luar pengetahuan ibu bapa, pelajar ke sekolah dengan berpakaian sekolah tetapi tidak hadir ke sekolah dan ini adalah di luar pengetahuan ibu bapa. Kumpulan pelajar ponteng pula adalah pelajar yang bekerja pada waktu malam dan gagal bangun awal untuk ke sekolah dan pelajar yang ponteng sekolah mengikut musim seperti selepas cuti panjang atau cuti umum. Kategori ponteng ini merupakan kategori yang berisiko tinggi yang cenderung ke arah penglibatan dalam gejala sosial.

Menurut laporan Statistik dan laporan peratusan disiplin murid mengikut

bilangan murid dan kes KPM bagi SMK Buloh Kasap dari tempoh 12 Mac 2012 sehingga 26 November 2012, 16.46 peratus merupakan masalah ponteng. Kementerian Pelajaran mendedahkan bahawa kira-kira 76,300 atau 1.09 peratus daripada tujuh juta pelajar di negara ini terbabit dalam pelbagai masalah disiplin (Engku Ahmad , 2005). Mengikut analisis dalam buku PTK oleh Mook Soon Sang (2005), sepuluh salah laku yang berkekerapan tinggi dan berlaku di peringkat sekolah menurut urutan ialah:

- i. ponteng sekolah
- ii. mengancam murid sekolah
- iii. mencuri
- iv. berkasar dengan murid sekolah
- v. berbahasa kesat
- vi. datang sekolah/masuk kelas lewat
- vii. membuat bising dan mengganggu pelajaran
- viii. merosakkan harta benda sekolah
- ix. ponteng aktiviti kokurikulum
- x. ponteng kelas

Dapat dibuktikan di sini bahawa, pelbagai masalah ponteng adalah menjadi masalah disiplin utama disekolah dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

1.2 **Pernyataan Masalah**

Sikap para pelajar sekarang terutama berkaitan masalah ponteng, ada sebab-sebab yang tidak terjangkau oleh fikiran kita. Sebenarnya terdapat banyak pihak yang perlu bertanggungjawab terhadap masalah ponteng ini termasuklah sikap pelajar sendiri, para guru, suasana sekolah, ibu bapa dan keluarga serta pengaruh persekitaran. Ketika ini apabila berlaku sesuatu insiden dengan mudahnya semua orang menuding jari ke arah

guru. Sepatutnya, setiap kes diteliti supaya punca kejadian sebenar dapat dikenalpasti. Kajian yang lebih menyeluruh perlu dibuat bagi mencari ke akar umbi faktor yang menyumbang kepada masalah ponteng pelajar masa kini.

Para pelajar sekarang terdedah dengan pelbagai perkara di sekeliling mereka. Bahan bacaan, televisyen, wayang, internet, kawan, keluarga dan persekitaran masyarakat adalah antara yang banyak memainkan peranan dalam pembentukan peribadi seseorang itu. Ini termasuk keadaan dunia yang tanpa sempadan kini menyaksikan pelbagai pengaruh dari luar menjajah minda para pelajar sekarang. Kemungkinan mereka merasa bahawa mereka telah dewasa dan sudah boleh membuat keputusan sendiri. Hal ini menyebabkan keputusan yang diambil tidak tepat. Mereka sebenarnya masih belum cukup ilmu dan kurang pengalaman. Oleh itu, mereka perlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada orang dewasa. Inilah yang dimaksudkan dalam laporan kajian Azizah (2002) sebagai 'faktor diri pelajar sendiri'.

Sikap pelajar yang sukakan hiburan dan mudah terikut-ikut dengan gaya penampilan artis yang mereka minati, seperti memakai pakaian yang berjenama dan fesyen rambut yang baru. Sekiranya mereka tiada wang yang mencukupi, mereka rela ponteng sekolah untuk bekerja demi mendapatkan wang. Begitu juga, apabila pelajar tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran dan guru pula tidak berusaha menarik minat mereka, pelajar-pelajar itu akan hilang semangat belajar dan ponteng sekolah (Azizi *et al*, 2007).

Suasana persekitaran sekolah yang berubah secara mendadak akibat dari proses pembandaran seperti pembinaan pusat membeli belah dan pusat-pusat hiburan yang terlalu hampir dengan sekolah akan menjadi faktor penarik kepada gejala ponteng sekolah. Manakala, suasana persekitaran dalam sekolah seperti gaya kepimpinan pengetua, pendekatan warga guru dan persekitaran sekolah yang tidak kondusif menjadi faktor penggalak kejadian ponteng di kalangan pelajar (Tan, 2006). Faktor kurangnya didikan agama dan kasih sayang daripada ibu bapa, perasaan ingin tahu serta desakan atau pengaruh daripada rakan sebaya boleh menjadi penyebab terjadinya masalah ponteng yang kian sukar dibendung kini. Selain itu, faktor sekolah juga

menjadi salah satu penyebab kepada permasalahan ponteng dan mengganggu suasana pembelajaran.

Mengikut Hussein (1993), pembelajaran yang berkesan datangnya daripada suasana sekolah yang tenteram, kerana ketenteraman itu amat kritikal bagi melahirkan pencapaian yang baik di kalangan pelajar. Kewujudan suasana sekolah yang positif dari segi kemudahan sekolah, pengajaran guru, kedudukan sekolah dari aspek pengangkutan pelajar dan pelaksanaan disiplin yang efektif menjamin pembelajaran yang berkesan dan mengurangkan kes-kes salah laku pelajar.

Walaupun begitu institusi keluarga dan sahabat merupakan sumber yang paling rapat dapat mempengaruhi pelajar. Institusi keluargalah bermulanya peranan ibubapa mencorak kehidupan anak-anak yang dilahirkan bagai kain putih. Guru yang pertama seorang insan adalah ibu bapa dan keluarganya sendiri. Seorang bayi akan belajar dengan melihat dan mencuba apa yang dilakukan dan disebut oleh orang di sekelilingnya. Oleh kerana keperluan kehidupan, ramai ibu bapa terpaksa bekerja, maka ramai juga anak-anak daripada kecil sehinggalah ke peringkat remaja biasanya diasuh oleh pembantu rumah. Oleh itu, amat penting bagi ibu bapa melengkapkan diri dengan ilmu keibubapaan supaya dapat membesarkan dan mendidik anak dengan lebih sempurna. Hal ini perlu memandangkan ibu bapa yang bekerja mempunyai masa yang terhad bersama dengan anak-anak. Masa yang singkat ini perlulah dimanfaatkan dengan sebaik mungkin supaya kasih sayang dan kemesraan kekeluargaan itu dapat dieratkan.

Sifat berdisiplin, akhlak yang mulia, budi pekerti yang tinggi, serta kepatuhan kepada ajaran agama semuanya perlu di semai daripada rumah lagi. Seterusnya dipupuk di sekolah dan di semarakkan oleh masyarakat. Ibu bapa sendiri perlulah menjadi teladan yang terbaik kepada anak-anak. Sekolah dan masyarakat juga perlu sama-sama mewujudkan suasana yang positif kepada perkembangan jati diri para pelajar yang meningkat remaja dan dewasa. Kerajaan khususnya, Kementerian Pelajaran pula perlu membuat satu kajian yang menyeluruh berkenaan dengan sistem pendidikan dan peraturan sekolah yang sedia ada.

Ketika ini sistem sekolah lebih menjurus kepada kecemerlangan akademik tetapi kurang ke arah kecemerlangan sahsiah. Ini dapat dilihat apabila berlaku peningkatan masalah disiplin dan moral yang ketara di sekolah. Jelaslah bahawa masalah disiplin pelajar ini akan hanya dapat dibendung jika semua pihak yang terbabit memainkan peranan masing-masing. Cuba fikirkan, apa yang akan terjadi kepada negara kita yang tercinta ini jika mereka yang bijak tetapi tidak mempunyai jati diri serta rosak akhlaknya menjadi pemimpin. Menjatuhkan hukuman semata-mata kepada pelajar tidak akan menyelesaikan masalah khususnya kes ponteng.

Mereka yang mempunyai masalah disiplin dan moral ini sebenarnya sedang sakit. Samada sakit jiwa, sakit hati, sakit fikiran atau sakit rohaninya. Mereka yang sakit perlu dirawat supaya dapat pulih semula. Mereka yang terjatuh perlu dibantu untuk bangun semula. Masalah ponteng merupakan masalah yang sering melanda pelajar dari pelbagai peringkat, bermula dari sekolah rendah hinggalah ke peringkat yang paling tinggi iaitu Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Berkaitan masalah ponteng, ramai pengkaji telah menjalankan kajian bertujuan untuk menangani masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah. Sememangnya terdapat faktor-faktor yang menyebabkan pelajar melakukan perbuatan salahlaku ponteng tersebut di sekolah, sama ada ponteng kelas, ponteng sekolah atau ponteng menghadiri aktiviti luar bilik darjah.

Mengikut pemerhatian pengkaji terdapat banyak faktor yang menyebabkan pelajar melibatkan diri dalam gejala ponteng sekolah, antaranya ialah disebabkan faktor sikap pelajar, rakan sebaya, ibu bapa dan guru. Selain itu faktor-faktor persekitaran sekolah, pengurusan sekolah dan prasarana sekolah juga boleh menyebabkan pelajar-pelajar terlibat dengan masalah ponteng sekolah. Di dalam kajian ini, pengkaji hanya akan mengenalpasti sejauh manakah faktor-faktor sikap pelajar, rakan sebaya, ibu bapa dan guru yang menyebabkan pelajar terlibat dengan gejala ponteng sekolah. Di samping itu, pengkaji juga akan cuba mengenalpasti faktor manakah yang lebih mendorong pelajar terlibat dalam masalah ponteng sekolah.

Kebanyakan pelajar yang terlibat dengan masalah ponteng sekolah datang dari sekolah-sekolah yang terletak di pinggir bandar. Pelajar-pelajar yang tinggal di pinggir bandar seringkali menghadapi masalah dari segi persekitaran tempat tinggal, sosioekonomi keluarga dan pergaulan dengan rakan-rakan. Kebanyakan ibu bapa mereka berpendapatan rendah dan tidak dapat menyediakan perbelanjaan yang mencukupi untuk menampung bilangan anak yang ramai. Jadi untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh ibu bapa mereka, ada pelajar yang sanggup berhenti sekolah dan bekerja bagi mendapatkan wang untuk perbelanjaan harian mereka.

Remaja sememangnya mudah terikut dan terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti yang tidak biasa mereka lakukan. Kebanyakan remaja mudah merasa tertekan dan terkongkong apabila mereka berada di rumah mahupun di sekolah. Bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi, mereka lebih suka bersendirian dan mengambil keputusan untuk lari dari suasana sekolah ataupun bergiat dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Selain itu, ada juga pelajar yang lebih suka menghabiskan masa dengan melepak dan bergaul dengan remaja-remaja yang tidak bersekolah lagi.

Menurut Laporan Disiplin Pelajar tahun 1994, Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang menunjukkan ponteng sekolah merupakan kes disiplin dengan peratusan tertinggi berbanding salahlaku yang lain. Masalah ponteng tidak boleh dipandang remeh kerana kemungkinan pelajar yang ponteng akan dipergunakan oleh anasir-anasir negatif untuk melakukan sesuatu yang membahayakan masyarakat. Masalah ini perlulah diatasi dengan segera bagi mengelakkan daripada timbulnya pelbagai gejala buruk yang lain rentetan daripada perilaku ponteng.

Bagi mengurangkan masalah ini, langkah pertama yang perlu dicari ialah punca dan faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ponteng sekolah seterusnya mencari cara-cara untuk mengatasinya bagi memudahkan pihak pengurusan disiplin sekolah melaksanakan perancangan strategik yang bersesuaian. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji sejauh manakah faktor-faktor yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah dan faktor manakah yang lebih mendorong

pelajar terlibat dengan gejala ponteng sekolah. Faktor-faktor yang dikaji ialah faktor sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru, persekitaran serta kemahiran pengurusan disiplin pelajar.

1.3 Objektif Kajian

- i. Untuk mengenalpasti jenis ponteng yang paling kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Daerah Segamat daripada perspektif guru-guru.
- ii. Mengenalpasti faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng iaitu sama ada sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru dan persekitaran.
- iii. Mengenalpasti tahap kemahiran mengurus disiplin guru-guru di sekolah menengah daerah Segamat.
- iv. Mengenalpasti tahap keperluan latihan guru-guru di sekolah menengah daerah Segamat dalam aspek disiplin pelajar.
- v. Untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan persepsi mengikut jantina dan lokasi sekolah terhadap faktor sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, guru, suasana sekolah dan persekitaran.

- vi. Untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan kemahiran mengurus disiplin dan keperluan latihan dalam aspek disiplin dalam kalangan guru sekolah berdasarkan jantina dan lokasi sekolah.

- vii. Untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara kemahiran mengurus disiplin dan keperluan latihan dalam kalangan guru.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah jenis ponteng yang paling kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar di sekolah menengah daerah Segamat daripada perspektif guru-guru?
- ii. Apakah faktor utama yang mendorong pelajar ponteng iaitu samada sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru dan persekitaran?
- iii. Apakah tahap kemahiran mengurus disiplin guru-guru di sekolah menengah daerah Segamat?
- iv. Apakah tahap keperluan latihan guru-guru di sekolah menengah daerah Segamat dalam aspek disiplin pelajar?
- v. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru-guru dan persekitaran berdasarkan jantina dan lokasi sekolah?
- vi. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor lokasi sekolah dengan faktor sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru-guru dan persekitaran?

- vii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jantina dengan kemahiran mengurus disiplin dan keperluan latihan dalam aspek disiplin dalam kalangan guru sekolah menengah daerah Segamat?
- viii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor lokasi sekolah dengan kemahiran mengurus disiplin dan keperluan latihan dalam aspek disiplin dalam kalangan guru sekolah menengah daerah Segamat?
- ix. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran mengurus disiplin dan keperluan latihan di kalangan guru?

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian di atas, dinyatakan hipotesis utama kajian dalam bentuk nol ialah:


- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor sikap pelajar sekolah menengah daerah Segamat berdasarkan jantina.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor rakan sebaya di sekolah menengah daerah Segamat berdasarkan jantina.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor keluarga pelajar di sekolah menengah daerah Segamat berdasarkan jantina.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor suasana sekolah di sekolah menengah daerah Segamat mengikut jantina.
- Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor guru-guru di sekolah menengah daerah Segamat mengikut jantina.

- Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor persekitaran pelajar sekolah menengah daerah Segamat mengikut jantina.
- Ho7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran mengurus disiplin sekolah di kalangan guru sekolah menengah daerah Segamat berdasarkan jantina.
- Ho8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan keperluan latihan guru-guru dalam aspek disiplin di sekolah menengah daerah Segamat berdasarkan jantina .
- Ho9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor sikap pelajar sekolah menengah daerah Segamat berdasarkan lokasi sekolah.
- Ho10: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor rakan sebaya di sekolah menengah daerah Segamat berdasarkan lokasi sekolah.
- Ho11: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor keluarga pelajar di sekolah menengah daerah Segamat berdasarkan lokasi sekolah .
- Ho12: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor suasana sekolah di Sekolah menengah daerah Segamat berdasarkan lokasi sekolah.
- Ho 13: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor sikap guru-guru di sekolah menengah daerah Segamat berdasarkan lokasi sekolah.
- Ho14: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor pengaruh persekitaran pelajar sekolah menengah daerah Segamat berdasarkan lokasi sekolah.

Ho15: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran mengurus disiplin sekolah yang berlaku dalam kalangan guru sekolah menengah daerah Segamat mengikut lokasi sekolah.

Ho16: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan keperluan latihan guru-guru dalam aspek disiplin di sekolah menengah daerah Segamat mengikut lokasi sekolah.

1.6 Kerangka Konsep Kajian



Rajah 1.0 : Kerangka konsep kajian faktor-faktor yang menyebabkan masalah ponteng sekolah

1.7 Rasional Kajian

Memandangkan masalah ponteng di sekolah adalah masalah yang sudah lama bertapak di negara kita, sama ada disedari atau tidak. Masalah ponteng ini adalah disebabkan oleh tekanan dan permasalahan yang wujud di dalam persekitaran. Terdapat banyak faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum kita menuding jari siapa penyumbang utama isu ini. Masalah pelajar ponteng sekolah merupakan duri dalam daging yang perlu ditangani segera. Kesan-kesan negatif yang lahir akibat daripada ponteng semakin ketara dan membimbangkan. Menurut Noraini (2002), pelajar-pelajar yang tidak memberikan sokongan dan kemudahan dalam program yang dilaksanakan di sekolah adalah pelajar yang tidak berminat meneruskan pelajaran. Pelajar ini ponteng dan melepak di pusat membeli belah di Kuala Lumpur.

Kes-kes yang melibatkan pelajar terlibat dalam perlakuan ponteng turut dilaporkan oleh pelbagai akhbar masa ini. Hal ini amatlah merungsingkan ibu bapa, masyarakat, pihak sekolah dan pihak Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian, kajian ini wajar dijalankan untuk membantu para ibu bapa dan masyarakat dalam mengambil langkah-langkah tertentu dan menambah pengawasan terhadap anak-anak remaja mereka. Persatuan Ibu Bapa dan Guru juga dapat meningkatkan kefahaman dan memberikan kerjasama yang maksimum untuk membanteras kejadian-kejadian ponteng dalam kalangan pelajar. Pihak Kementerian Pelajaran selaku institusi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sistem pendidikan negara selanjutnya boleh menggunakan dapatan daripada kajian ini untuk merangka dan menambahbaik kurikulum sedia ada untuk kebaikan pelajar akan datang.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan akan dapat memberikan satu andaian yang sebenar apakah faktor- faktor yang utama membawa kepada masalah ponteng sekolah. Hasil kajian ini juga sekurang-kurangnya dapat memberikan gambaran kepada pihak tertentu, bagaimana faktor sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru, persekitaran dan komuniti yang mendorong pelajar ke arah perbuatan salah laku khasnya ponteng sekolah.

Hasil kajian juga diharapkan akan dapat memberikan maklumat kepada pengetua, Penolong kanan Hal Ehwal Murid, guru disiplin dan para guru akan punca-punca berlakunya masalah ponteng di Sekolah Menengah di Daerah Segamat dan seterusnya merangka, merancang dan melaksanakan tindakan untuk memperbaiki sistem pengurusan disiplin pelajar. Maklumat ini juga dapat membantu pihak pengurusan termasuklah pihak kaunseling dalam membuat perancangan strategik menangani kes disiplin demi mempertingkatkan prestasi akademik pelajar.

Selain itu diharapkan kajian ini akan dapat menyediakan maklumat dan bukti kajian kepada pihak Kementerian Pelajaran tentang masalah-masalah ponteng yang wujud di Sekolah Menengah daerah Segamat. Diharapkan kajian ini akan dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa. Dengan ini mereka akan mendidik anak-anak mereka sejak kecil lagi dan meluangkan masa yang lebih supaya mengetahui gerak-geri pelajar, mengetahui perkembangan anak-anak di sekolah dan melibatkan diri dengan aktiviti di sekolah serta dapat menceburi bidang yang baik. Secara tidak langsung akan dapat membenters gejala ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Segamat.

Di samping itu, hasil kajian ini dapat menyediakan sumber rujukan dan maklumat kepada penyelidik lain yang berminat untuk mengkaji secara lebih terperinci dan mendalam berkaitan ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Segamat. Kajian yang dijalankan boleh memberi manfaat kepada pelbagai pihak. Adalah amat penting untuk mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan gejala tersebut dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Dapatan kajian ini diharapkan akan dapat membantu pihak berikut menjalankan tugas mereka:-

1.8.1 Pihak Sekolah

Guru-guru dan pihak pentadbiran sekolah dapat mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi masalah pelajar. Menangani punca berlakunya masalah tersebut dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran berkesan. Disiplin bilik darjah yang baik tanpa pelajar ponteng akan membawa implikasi-implikasi pengajaran-pembelajaran seperti berikut:

- i. Pengajaran-pembelajaran dapat dijalankan secara lancar, sistematik serta dalam suasana yang kondusif dan berkesan.
- ii. Keberkesanan aktiviti pengajaran-pembelajaran di bawah kawalan bilik darjah secara berdisiplin akan dapat dipertingkatkan lagi.
- iii. Pengajar dapat melaksanakan rancangan pelajarannya mengikut masa yang ditetapkan tanpa sebarang gangguan.
- iv. Objektif pelajaran yang telah ditentukan dapat dicapai dengan berkesan.
- v. Pelajar merasa selamat dan gembira menyertai aktiviti pembelajaran, disamping mengikut pelajaran dalam keadaan yang berdisiplin.

Dapatan kajian ini juga akan membantu para guru mengenalpasti faktor-faktor yang terlibat kerana perubahan tingkah laku pelajar yang negatif di sekolah akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

1.8.2 . Pejabat pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri

Hasil kajian boleh membantu menyediakan maklumat dan bukti kajian kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia tentang faktor-faktor pelajar ponteng yang wujud di sekolah-sekolah menengah daerah segamat. Kajian ini juga membantu pihak Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran negeri merangka dan mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah seperti garis panduan serta mengkaji semula peraturan-peraturan yang membabitkan disiplin pelajar khususnya masalah ponteng.

Kajian ini juga diharapkan menyediakan sumber rujukan dan maklumat kepada guru-guru, guru-guru disiplin, pengkaji lain dan Kementerian Pelajaran untuk mengkaji secara lebih terperinci dan mendalam berkaitan dengan faktor-faktor pelajar terjebak dalam masalah ponteng di sekolah menengah.

1.9 Skop Kajian

Skop kajian ini memberi fokus kepada jenis masalah ponteng dan enam faktor utama menyebabkan gejala ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru dan persekitaran. Kajian ini juga memfokuskan kepada kemahiran guru dalam mengurus disiplin pelajar mengikut jantina serta keperluan latihan berkaitan disiplin untuk guru. Kajian ini dijalankan di 20 buah sekolah di daerah Segamat. Sekolah yang dipilih adalah terdiri daripada sekolah biasa dan sekolah kawalan.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di 9 buah sekolah di Zon Bandar dan Utara Daerah Segamat, Johor. Responden yang terpilih adalah 240 orang guru dari 9 buah sekolah menengah di daerah Segamat, Johor. Kajian ini hanya menumpukan pada jenis ponteng dan faktor sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, guru, suasana sekolah, persekitaran yang mempengaruhi masalah ponteng. Kajian juga dilakukan untuk menentukan tahap kemahiran dalam mengurus disiplin pelajar di kalangan guru-guru dan keperluan latihan dalam aspek disiplin di sekolah menengah.

Dalam kajian ini, penyelidik lebih berminat untuk mengkaji persepsi guru-guru terhadap masalah ponteng pelajar sekolah menengah biasa. Sekolah menengah harian mempunyai pelajar daripada semua lapisan masyarakat. Tambahan pula, masalah ponteng adalah lebih banyak berlaku di sekolah dalam kategori ini. Masalah guru dalam mengurus disiplin pelajar dapat diketahui dengan lebih jelas dan juga cabaran-cabaran guru dalam menangani disiplin pelajar.

Berhubung dengan faktor masa pula pengkaji hanya dapat menumpukan penyelidikan bermula pada 01 April hingga 30 April untuk menyerah dan mengutip kembali soal selidik bagi tujuan kajian rintis. Untuk mendapatkan bilangan responden yang lebih ramai, penyelidik telah mengedarkan soal selidik kepada guru yang pelbagai kaum.

1.11 Definisi Istilah dan Operasi

Definisi-definisi operasi yang akan diterangkan dalam bahagian ini merupakan istilah-istilah yang bersesuaian dengan konteks kajian ini sahaja. Ianya bertujuan bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pembaca.

1.11.1 Disiplin

Mok Soon Sang (1995) menyatakan dalam konteks masyarakat, disiplin bermaksud peraturan yang dipersetujui oleh ahli-ahli bagi mewujudkan tingkah laku yang sesuai demi menjamin kesempurnaan kehidupan mereka dalam masyarakat itu. Manakala pada peringkat sekolah pula, disiplin adalah peraturan yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar dengan tujuan mengawal tingkah laku mereka melalui hukuman ataupun ganjaran. Menurut James (2011) pula, disiplin ialah suatu bentuk kawalan sosial bagi mewujudkan suasana yang tenteram dan teratur baik dalam masyarakat mahupun di sekolah. Disiplin membawa erti latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh kepada tatatertib.

Disiplin merupakan satu bentuk pengawasan dan membiasakan amalan yang dikehendaki. Sekolah boleh dianggap sebagai sebuah 'mesin pedagogi' dan pelajar-pelajar didisiplinkan supaya mematuhi peraturan-peraturan. Berbagai-bagai cara untuk mempertingkatkan disiplin seperti mengadakan jadual waktu, buku kedatangan, perhimpunan, pakaian seragam, peperiksaan, pengredan dan sebagainya. Dalam kajian yang dijalankan ini, masalah disiplin yang diberikan penekanan ialah ponteng sekolah, ponteng kelas dan ponteng aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

1.11.2 Ponteng

Ponteng yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah ponteng sekolah, ponteng kelas dan ponteng aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Ponteng sekolah adalah salah satu masalah disiplin yang sering kali dilakukan oleh pelajar sekolah setiap hari. Ponteng sekolah didefinisikan sebagai perbuatan yang menjauhkan diri daripada sekolah tanpa keizinan guru ataupun ibu bapa (Mohd. Nor, 1982). Istilah ponteng dalam Bahasa Inggeris difahami sebagai "*playing truant*".

Ibrahim Saad (1986) pula mengkategorikan ponteng ke dalam aktiviti-aktiviti yang berikut :

- i) kanak-kanak yang telah didaftarkan dan tidak hadir ke sekolah walaupun telah berumur dalam lingkungan 7-12 tahun
- ii) Kanak-kanak yang mahu ke sekolah tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana masalah kewangan, menolong ibu bapa bekerja, keuzuran dalam keluarga dan terpaksa menjaga rumah, adik-adik dan sebagainya.
- iii) Mereka yang sengaja tidak datang ke sekolah, mereka keluar rumah diawal pagi dengan pakaian sekolah dan beg berisi buku. Sebaliknya pergi berpelesenan di kebun-kebun bunga, kebun-kebun kelapa sawit, memancing ikan di kolam-kolam atau di sungai-sungai, di lombong- lombong, berfoya-foya di kompleks membeli belah atau di pusat hiburan seperti siber kafe.

Dalam kajian yang dijalankan ini, ponteng yang dimaksudkan ialah ponteng kategori yang ketiga iaitu yang sengaja dilakukan oleh pelajar. Ponteng kelas atau 'tuang kelas' adalah tindakan pelajar yang tidak mengikuti pelajaran pada waktu yang seharusnya pelajar itu wajib mengikutinya di dalam bilik darjah (Abdullah Sani, 2005).

1.11.3 Sikap Pelajar

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2005), pelajar didefinisikan sebagai murid atau penuntut. Pelajar adalah golongan orang yang belajar atau menuntut di sekolah, maktab atau universiti. Pelajar pula membawa maksud, "sesiapa yang berada di bangku sekolah dan bertujuan untuk mendapatkan pelajaran secara formal sama ada di sekolah menengah ataupun sekolah rendah". Sikap ialah reaksi perasaan seseorang terhadap sesuatu perkara. Dalam kajian ini, sikap pelajar yang melanggar disiplin iaitu ponteng sekolah, ponteng kelas dan ponteng aktiviti diberi tumpuan. Dalam kajian yang dijalankan ini, pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar-pelajar sekolah menengah di

Daerah Segamat.

1.11.4 Rakan Sebaya

Rakan sebaya merujuk kepada kanak-kanak atau remaja yang sama umur atau paras kematangan. Rakan sebaya adalah rakan yang setia mendengar, membantu dan sedia bersama pada bila-bila masa sahaja tidak kira ketika gembira ataupun sedih. Ahli sosiologi mengistilahkan rakan sebaya sebagai kumpulan kanak-kanak ataupun kumpulan remaja yang mempunyai lingkungan umur yang sama (Hazil, 1990). Dalam kajian ini, pelajar atau murid yang dimaksudkan ialah sahabat kepada pelajar yang ponteng sekolah tersebut.

1.11.5 Keluarga

Keluarga bermaksud seisi rumah tangga yang terdiri daripada bapa, ibu berserta anak-anak. Keluarga menurut takrif antropologi adalah satu unit atau kumpulan yang terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Keluarga dinyatakan sebagai kombinasi ibu dan bapa yang tinggal serumah dengan satu ataupun lebih anak (Fontana, 1981). Keluarga juga merupakan institusi yang paling hampir dengan seseorang, khususnya kanak-kanak. Keluarga selalunya akan memberi khidmat sebagai satu masyarakat kecil serba lengkap terhadap jiwa yang lahir dan berkembang dalamnya. Mahmood (1997), mentakrif keluarga sebagai satu unit sosial yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak. Perkara yang paling penting ialah wujudnya satu pertalian atau hubungan hidup tertentu dalam kelompok sosial berkenaan. Dalam kajian ini, keluarga bermaksud ibu bapa pelajar ataupun penjaga kepada pelajar.

1.11.6 Guru

Guru bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar, dan pengasuh.

Guru bertanggung jawab sebagai kaunselor, pengadil, polis, hakim, pelakon, kerani, jururawat, pensyarah, penulis, setiausaha, pekerja sosial dan lain-lain. Guru-guru perlu cekap memberikan kebebasan kepada pelajar dalam menggunakan kebolehan mereka. Kecekapan guru juga merangkumi kebolehan berkomunikasi dengan orang lain, membawa idea-idea baru, membuat keputusan, sentiasa membuat kajian dan berupaya mewujudkan iklim pembelajaran yang kondusif. Guru adalah model yang menjadi contoh kepada para pelajar. Guru bertanggungjawab membina hubungan dengan setiap pelajar dan memandang mereka sebagai individu yang unik. Dalam kajian ini, guru bermaksud pendidik yang tugasnya mengajar dan menjalankan aktiviti pengajaran pembelajaran di dalam bilik darjah.

1.11.7 Suasana Sekolah

Suasana merujuk kepada perasaan seseorang individu memasuki sesuatu tempat. Sesuatu persekitaran mungkin memberi perasaan sunyi, aman, menarik, buruk, menggerunkan. suasana sesuatu tempat dihasilkan melalui ketertiban, keamatan cahaya, bunyi, teksur, warna, suhu dan bau. Suasana sekolah dapat dirujuk dari sudut ekologi atau secara mudahnya ia merujuk kepada faktor-faktor fizikal seperti bangunan dan tapak, keindahan taman, kemudahan alatan dan bahan. Jelasnya, bahawa persekitaran dan ekologi yang baik mempengaruhi suasana pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah (Omardin,1996). Dalam kajian ini, suasana merujuk kepada keadaan dalam sekolah dan keadaan dalam bilik darjah.

1.11.8 Persekitaran

Persekitaran bermaksud kawasan di sekeliling sesuatu tempat atau keadaan di sekeliling kita. Persekitaran yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sahsiah dan tingkah laku individu boleh menjadi negatif atau positif bergantung kepada kedudukan dan suasana persekitaran keluarga, masyarakat, media dan sebagainya.

Pengaruh persekitaran terdiri daripada dua komponen besar, tegasnya, persekitaran fizikal dan psikososial. Persekitaran fizikal seperti rumah dan bilik darjah yang kurang terang boleh membosankan pelajar. Cahaya yang tidak cukup terang akan menyebabkan pelajar cepat bosan dan berasa mengantuk. Tingkah laku yang tidak sihat juga berpunca dari keperluan fisiologi seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan alam sekitar yang selesa.

Seterusnya, keperluan psikologi seperti keselamatan, rasa dimiliki, kasih sayang, penerimaan, dan penghargaan juga mempengaruhi tingkah laku pelajar. Dalam kajian ini persekitaran merujuk kepada kedudukan sekolah, suasana sekolah dan suasana bilik darjah dan memberi kesan kepada masalah disiplin pelajar.

1.11.9 Kemahiran

Merujuk Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian. Kemahiran dan pengetahuan sangat diperlukan bagi pembangunan kepemimpinan personal. Ringkasnya, kemahiran sama erti dengan aplikasi. Kebolehan mengaplikasi sesuatu konsep atau idea kepada sesetengah '*task*' merupakan satu kelebihan kepimpinan yang tidak dapat dipertikaikan. Kemahiran-kemahiran khusus termasuklah keberanian profesionalisme, ketegaran dan kesabaran serta kemahiran mendengar.

1.11.10 Kemahiran Mengurus Disiplin

Kemahiran mengurus disiplin khasnya di bilik darjah merupakan satu kemahiran yang penting. Guru sepatutnya dapat mengesan faktor-faktor yang menimbulkan masalah serta cara-cara mengatasinya. Dalam pengurusan masalah berkaitan disiplin pelajar, guru perlu tahu bila ganjaran dan hukuman boleh digunakan serta implikasi-implikasinya. Matlamat jangka panjang ialah untuk mewujudkan disiplin sendiri dalam kalangan pelajar. Apabila keadaan ini wujud,

proses pengajaran dan pembelajaran akan dapat berjalan dalam suasana bilik darjah yang tenang serta menggalakkan.

Sebagai seorang guru, kita perlu bijak dalam menangani sesuatu masalah yang tercetus di dalam bilik darjah kita. Penilaian yang teliti berkaitan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar adalah penting kerana nasihat atau teguran yang diberikan oleh guru tepat pada pelajar yang salah. Ketegasan dalam menangani sesuatu masalah menyebabkan pelajar mempunyai perasaan takut pada guru mereka dan tidak berani melakukan kesalahan disiplin di dalam bilik darjah semasa pengajarannya. Dalam kajian ini, kemahiran mengurus disiplin guru-guru dikaji.

1.11.11 Keperluan Latihan

Menurut Laird (1990), latihan didefinisikan sebagai pengalaman atau disiplin yang menyebabkan individu memperoleh tingkah laku baru bagi melaksanakan tugas. Latihan boleh mengubah tingkah laku baru ke arah prestasi yang lebih baik. Latihan dan pembangunan sering dikaitkan dengan sumber manusia serta merujuk pada aktiviti pembelajaran bagi mempersiapkan individu supaya berketerampilan bagi melaksanakan kerja masa kini dan masa hadapan. Jadi, boleh dikatakan bahawa bidang sumber manusia mempunyai banyak perkaitan dengan aktiviti pembelajaran. Dalam kajian yang akan dijalankan, keperluan latihan merujuk kepada sama ada guru-guru pernah mengikuti latihan dalam aspek disiplin atau tidak. Seterusnya adalah untuk mengetahui sama ada guru-guru memerlukan latihan untuk keberkesanan tugas mereka.

1.12 Rumusan

Gejala ponteng yang berlaku sekarang semakin serius dan masih tidak dapat dibendung. Dari masa ke semasa salah laku ponteng ini menjadi isu yang semakin hangat diperkatakan. Keadaan ini akan menjejaskan perkembangan pendidikan dan

memungkinkan kadar keciciran pelajar dalam pembelajaran meningkat. Faktor dalaman, iaitu sekolah mempengaruhi masalah ponteng sekolah sama ada disebabkan oleh faktor guru ataupun kemudahan sekolah yang merangkumi aspek bilik darjah dan peralatan pembelajaran. Beberapa faktor lain yang terlibat adalah faktor keluarga, rakan sebaya, persekitaran, penguatkuasaan disiplin yang terlalu ketat, sikap guru disiplin yang keterlaluan atau kedudukan sekolah yang jauh dengan kediaman pelajar. Faktor-faktor ini menjadi punca masalah ponteng menjadi semakin meningkat dari masa ke semasa dan sukar ditangani tanpa kerjasama yang serius daripada semua pihak.

BIBLIOGRAFI

- Abd Halim Saad.(1999). *Pengurusan disiplin pelajar*. Universiti Utara Malaysia. Kedah
- Ahmad Atory Hussain. *Pengantar Statistik*. (2004), Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, KL
- Abd.Karim Desa. (1994). *Keberkesanan Guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu*. Universiti Teknologi Malaysia
- Abdullah Sani Yahaya. (2005). *Mengurus Hal Ehwal pelajar*. PTS Profesional, Pahang.
- Abdul Rahman Abdul Majid Khan.(2009). *Guru Sebagai Penyelidik*. PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya. (2006). *Mengurus Disiplin Pelajar*. PTS Profesional, Pahang.
- Abdullah Sani Yahaya.(2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, KL.
- Ahmad Haji Salleh.(1980). *Disiplin Sekolah*.Dewan Bahasa dan Pustaka.Kuala Lumpur.
- Ahmad Mahdzan Ayob.(2002). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Dewan Bahasa Dan Pustaka,KL.
- Ahmad Marzuki Ismail. (2008). *Kurang Berdisiplin, Anda Boleh Mengubahnya*. Karisma Publications Sdn Bhd, Shah Alam.
- Ahmad Mohd Salleh(1997). *Pendidikan Islam Falsafah,Pedagogi Dan Metodologi*.Fajar Bakti, Shah alam.
- Alawiah S.A.(1987). *Falsafah Pendidikan*.(Cetakan Ketiga). Kuala Lumpur.
- Anney Zaharazilan Binti Yunus.(2012). *Tahap Pengetahuan Dan Amalan Pengurusan Disiplin Pelajar Dalam Kalangan Guru Disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Segamat*. Universiti Tekonologi Malaysia.
- Azhar Hamzah.(2002). *Faktor,Aktiviti Dan Kesan Ponteng Sekolah Terhadap Akhlak Pelajar Di Sekolah Menengah Daerah Tanah Merah Kelantan*.Universiti Teknologi Malaysia:Tesis Sarjana Muda.

- Azizah Lebai Nordin.(2002). *Masalah Disiplin di Kalangan Remaja* .Tesis Phd,Fakulti Pendidikan,Universiti Malaya,Kuala Lumpur.
- Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif.(2005). *Membentuk Identiti Remaja*.PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, Bentong.
- Azizi Yahya,Fazwiyah Yahya,Zurihanmi Zakariya dan Noordin Yaahya.(2005). *Pembangunan sendiri*.Universiti Teknologi Malaysia .
- Azlina Abu Bakar.(2002). *Psikologi Personaliti Individu*. Karisma Publications Sdn Bhd. Shah Alam, Selangor.
- Azzahiruddin Bin Ahyanuddin.(2007). *Penglibatan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Dalam Aktiviti Salah Laku*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ee Ah Meng.(1991). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*.Chee Leong Press Sdn.Bhd,Ipoh.
- Ee Ah Meng.(1991). *Psikologi Perkembangan Aplikasi Dalam Bilik Darjah*. Polygraphic Marketing Sdn.Bhd.Selangor Darul Ehsan.
- Ee Ah Meng.(2000). *Pedagogi I kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah(semester II)*. Polygraphic Sdn.Bhd Selangor D.E.
- Hamdan Miss.(1999). *Fenomena Ponteng di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik Alor Gajah Melaka*. Tesis B.Ed. Fakulti Pendidikan UTM. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan.
- Husein Mahmood dan Kamaruddin Abd.Rahman.(2001). *Beberapa Pandangan Dan Dapatan Berkaitan Dengan Disiplin Di Sekolah*:Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia Jilid xxvii Keluaran 65 Sept,Sept 1984
- Ibrahim Saad.(1982). *Faktor-faktor Utama yang Menyebabkan Pelajar-pelajar di peringkat Menengah melakukan Ponteng sekolah-satu kajian kes*. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Laporan Disiplin 2001*.Unit Hal Ehwal Murid.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(1990). *Buku Rekod Salah laku Masalah Disiplin*. Unit Disiplin Bahagian Sekolah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(1993). *Laporan Salah laku Disiplin Pelajar Malaysia*. Unit Disiplin Bahagian Sekolah.
- Kementerian Pendidikan Malyasia Kuala Lumpur.(1988). *Panduan Tatacara Disiplin*

Sekolah Untuk Guru Besar Dan Guru. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalim Zainal.(2004). *Perbandingan Sistem penalti dan konvensional dalam pengurusan disiplin pelajar sekolah menengah,* Universiti Putra Malaysia.

Lim Seo Peng.(2010). *Pengetahuan dan Sikap Guru-guru Disiplin Dalam Melaksanakan Tugas di Sekolah Menengah.* Universiti Teknologi Malaysia.

Mahazad bin Ab.Majid. (2010). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Masalah Ponteng di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah.*Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Rashid Mohd Saad. (2006). *Mengapa Rotan Tidak Berkesan?.* PTS Professional, Pahang.

Maizatul Akman.(2005). *Perkaitan Hubungan Keluarga,Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Lalu Delinkuen Pelajar.* Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.

Mat Darus Othman.(2006). *Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia Hal Ehwat Murid 1969-2003.* Giga Wise Networks Sdn.Bhd.

Mohamad Hazrul Bin Md.Jori.(2007). *Mengenal Pasti Tahap Penghayatan Keagamaan Dan Persepsi Gaya Keibubapaan Pelajar Yang Bermasalah Disiplin Dan Tidak Bermasalah Disiplin.*Tesis Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Kejuruteraan Mekanikal:Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Ismail Othman. (2006). *Menangani Disiplin Di Sekolah.* Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, KL.

Mohamad Najib Abdul Ghani.(1999). *Penyelidikan Pendidikan.*Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Azhar Abd Hamid.(2004). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi Remaja.* PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. Bentong.

Mohd Azhar Abd Hamis.(2004). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi Remaja.* PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. Bentong.

Mohd Khamsuldin Bin Abdul Wahab.(2011). *Konsep Kendiri Pelajar dan Hubungannya Dengan Masalah Disiplin di SMK Penghulu Saat Batu Pahat,Johor.,*Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Majid Konting.(1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.*Kuala Lumpur:DBP.

Mohd Nor Abdullah @ Dollah.(1986). *“Masalah Ponteng dikalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Daerah Kota Bharu,Kelantan”*(dlm

Manivannan(2002)kajian ilmiah:7-8).

- Mohd Zaid Bin Mohamed Salleh.(2002). *Amalan Solat Terhadap Pembentukan Disiplin Pelajar:Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Baloi,Pontian,Johor*;Tesis Ijazah Sarjana Muda Serta Pendidikan(Pengajian Islam).
- Mohd.Majid Konting.(1996). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* .Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd.Nawi Ab.Rahman.(2001). *Asas Statistik*. Universiti Putra Malaysia Serdang.
- Mok Soon Sang.(2008). *Pengurusan Kurikulum*,Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.Selangor.
- Mook Soon Sang.(2009). *Teks Komprehensif PTK,Pengajaran &Pembelajaran(P&P)*. Multimedia Sdn.Bhd.
- Mook Soon Seng.(1995). *Pedagogi 2. Strategi Pengajaran Pembelajaran Pengajaran Mikro & Persediaan Untuk Mengajar Praktik*. Edisi Baru. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mustaza Abu Amin.(1994). *Fenomena di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Bandar Jasin. Satu Kajian Kes*. Tesis B.ed. Fakulti Pendidikan. UTM. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan.
- Mustaza Abu Amin.(1994). *Fenomena Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Bandar Jasin:Satu kajian Kes*.Tesis B.Ed.Fakulti Pendidikan.Universiti Teknologi Malaysia(latihan ilmiah yang tidak diterbitkan).
- Noor hidayah binti chik mai.(2010). *Masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah menurut perspektif guru*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Omardin Ashaari.(2007). *Pengurusan Sekolah Suatu Panduan Lengkap*. Sanon Printing Corporation Sdn.Bhd.
- Ropiah Mohamed(2004). *Faktor-Faktor Persekolahan Yang Mempengaruhi Masalah Ponteng Di Kalangan Pelajar,Satu,Kajian Kes Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Di Salah Sebuah Sekolah Di Daerah Muar,Johor*.Universiti Teknologi Malaysia:Tesis Sarjana Pendidikan.
- Ruhyati Idayu .(1978). *“Ponteng dan Permasalahannya”*.Dalam Ibrahim Saad(1982).*Isu Pendidikan Di Malaysia*.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sham Sani Salleh.(1994). *Latar Belakang Keluarga,Perhubungan Ibu bapa Dengan Remaja dan Konsep Kendiri Remaja Delinkuen dan Bukan Delinkuen*.Tesis

Sarjana Muda.Universiti Pertanian Malaysia.

Shamsiah Bt. Mohd Amin *et al.*(2005). *Konsep dan pelaksanaan sekolah selamat*. Universiti Teknologi Malaysia.

Siti Zuhaida Binti Mukhtar.(2008). *Tahap Amalan Pengurusan Dalam Elemen pengurusan pentadbiran dan pengurusan disiplin di sekolah menengah islam hidayah johor bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.

Suria binti Abd Jamil.(2009). *Mengenal Punca-Punca Masalah Ponteng di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah:Satu Kajian Kes*. Universiti Teknologi Malaysia.

Suzana Husin.(1997). *Gejala Sosial di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah : Satu Kajian Terhadap Pelajar Di Kawasan Johor Bahru*. Projek Sarjana Muda. UTM.

Tan Kui Ngor.(2006). *Pengaruh Persekitaran Sekolah Terhadap Masalah Disiplin Pelajar dan Kaedah Pengurusan Disiplin*.Universiti Teknologi Malaysia:Tesis Sarjana.

Tonggak dua Belas. (1992). Institut Tadbiran Awam Negara (Intan)

Wan Norasiah Wan Ismail .(2003). *Akhlak Remaja di Felda Ulu Belitong*.(Disertai Master Usuluddin,Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya,Kuala Lumpur.

Yaakub Hj Yusuf.(1977). *Sikap Ibu Bapa Pelajar ponteng Dengan Sikap Ibu Bapa Pelajar Tidak Ponteng. Satu Perbandingan*. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan.

Yahya Don *et al.* (2007). *Kepimpinan &Pembangunan Pelajar Sekolah di Malaysia*. PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Yahya Ismail.(1983). *Metanalysis:Ponteng Sekolah Di Kalangan Remaja Sekolah*.Tesis Sarjana Tesis Universiti Teknologi Malaysia:tidak diterbitkan.

Zuraimah binti Md. Khalid.(2009). *Masalah Disiplin dan Kaitannya Dengan Penghargaan Kendiri dan Keagamaan Pelajar.*,Universiti Teknologi Malaysia.

Zainuddin Zakaria dan Zaidatul Hidayah Zakaria. (2006). *Kemahiran Memimpin*. PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Zuriani Zainon@Zainol.(1988). *Sikap Ibu bapa Pelajar Ponteng Dengan Sikap Ibu Bapa Pelajar Tidak Ponteng.Satu Perbandingan*.(latihan ilmiah yang tidak diterbitkan)Kuala Lumpur:UM.